

TEKSI

NUR ALEEYAH BINTE MOHAMED RIZAL (3/5)
Sekolah Menengah Outram
Soalan 2

Udara sejuk dari penghawa dingin pejabatku membuat kaki dan tanganku menggigil. Bunyi papan kekunci boleh didengar di seluruh pejabat. Wajah-wajah rakan sekerjaku berbeza daripada biasa. Selalunya mereka kelihatan letih dan lesu tetapi kini kelihatan gusar pula. Mungkin kerana semua pekerja di jabatan diberi kerja tambahan yang perlu diselesaikan pada hari itu. Bekerja sebagai jurutera komputer ini memang bukan untuk semua orang. Kerjanya datang tanpa undangan waktu. Aku dan beberapa orang lain telah selesai kerja dan sedang berehat. Dapatku lihat kawan rapatku, Ahmad, sedang berseronok menceritakan bibitan kisahnya kepada pekerja lain di bilik makanan. Aku tidak memberi perhatian kepadanya lalu membuat kopi hitamku.

“Ada yang berkata bahawa pada pukul tiga pagi, ada sebuah teksi berwarna hitam yang akan memandu ke sana-sini, mengambil penumpang yang memerlukan khidmat teksi,” kata-katanya keluar satu per satu. Aku memberi lebih perhatian pada apa yang ingin dia ceritakan. Inilah kali pertama aku dengar Ahmad menceritakan kisah berbaur suspens. Rakan sekerja lain bersandar lebih dekat, bersemangat untuk dengar kesinambungan ceritanya.

“Pemandu teksi tersebut akan menghentikan penumpangnya di tempat yang mereka ingin tuju. Namun, selepas penumpang itu keluar dari teksinya, dia akan mengekori mereka. Sesiapa yang melalui peristiwa ini akan hilang tanpa satu kesan pun.

Ada juga hamba Allah mengatakan bahawa wajah pemandu itu tidak dapat dilihat,” semua orang menahan nafas tetapi aku melepaskan tawa yang memecah kesunyian mereka. “Faizal! Aku dengar cerita ini benar, jangan ketawa!” dia mengadu sambil mengerut-ngerutkan dahinya.

“Eh Zal, pastikan kau boleh pergi parti aku malam ini, ya? Ada banyak makanan dan permainan aku dah sediakan,” sambung Ahmad. Hari itu adalah hari jadinya dan dia telah menjemput semua rakan sekerja untuk menyertai parti yang dia gelarkan gah. Pada masa itu, jam menanda pukul 1 petang, bermakna selesailah syif mencari rezeki. Aku menghampiri mejaku dan terdengar rakan-rakan sekerja berbisik tentang ‘Teksi Hitam’. Senyuman kecil tersebar di wajahku kerana aku tak sangka si Ahmad berkebolehan menjadi Tok Selampit. Boleh pula dia yakinkan kawan-kawan dengan cerita tahyulnya yang tidak masuk akal itu.

Beberapa jam berlalu, dan aku pun mengotakan janjiku kepada Ahmad untuk menghadiri partinya. Satu-satunya perkara yang aku sangat pantang ialah parti yang berakhir lewat. Semakin lewat parti itu habis, semakin sukar untuk aku mencari teksi pulang ke rumah. Aku melangkah masuk rumah Ahmad. Muzik berdentam-dentum bermain di seluruh rumah dan semua orang di dalamnya kelihatan sibuk mencari sorok untuk berborak atau berjoget. Mata mereka seolah-olah memancarkan perasaan kebebasan sambil badan mereka dilentik-lentikkan mengikut rima lagu yang dimainkan. Bukannya bimbang tentang bagaimana cara untuk pulang nanti, aku terikut-ikut menari pula. *Tiada masalah, kan?*

Pada sekitar jam 3.30 pagi, kakiku merayu untuk pulang ke rumah. Sengal dan berbisa rasanya sesudah menari ingin cuba memikat hati perempuan tapi gagal. Semasa berjalan di kaki lima, aku menyedari bahawa jalan itu kosong. Kesunyian itu terasa tidak selesa, dan aku hanya dapat mendengar langkah kakiku. Tiba-tiba, aku terdengar enjin sebuah kereta di belakangku. Saatku menoleh, aku terkejut melihat sebuah kereta yang menuju ke arahku. Teksi Hitam. Apabila kereta itu berhenti di hadapanku, aku teragak-agak untuk masuk. Pemandu teksi tidak berkata apa-apa, jadi aku memberitahunya tempat aku tuju dengan suara yang kecil. Semasa menaiki kereta, aku cuba melihat sekeliling kereta dan pemandu, tetapi aku tidak dapat melihat mukanya kerana terlalu gelap. *'Teksi Hitam' tak mungkin benar, kan?* Selepas beberapa ketika, pernafasan aku semakin berat. Aku dapat rasakan pemandu teksi itu selalu memandangkanku dari kaca cermin di tepinya. Cerita Ahmad terngiang-ngiang di telingaku. *Bila nak sampai ni...*

“Aku boleh berhenti di sini, terima kasih,” aku bergegas ingin keluar teksi. Selepas aku keluar dari teksi, aku berjalan secepat aku boleh ke arah rumahku. Separuh jalan, kaki yang tadi cabut lari kini berjalan dengan perlahan. Seluruh kakiku terasa lemah. Semasa cuba bertenang, aku terdengar langkah kaki di belakangku. Pada ketika itu, aku takut macam hendak mati rasanya. Aku terlalu letih untuk cuba berlari, jadi aku hentikan langkah dan menyeru segala kekuatan yang tinggal dalam badan untuk menoleh ke belakang. Mataku terbeliak, buah halkumku seolah-olah rasa tersendat di tekak melihat pemandu teksi tadi kini berdiri di depanku hampir 5 cm jauh jaraknya. Keputusanku mematikan langkah hampir mengakibatkan dia bertembung denganku.

“Maaf, ya? Awak tinggalkan dompet awak di dalam kereta saya. Lajunya jalan! Berhati-hati lain kali,” pemandu itu berkata sebelum mengangkat tangannya untuk melambai pergi. Aku tercegat kaku di tempat yang sama selama 3 minit. Api kemarahan mengambil alih ketakutanku. Ahmad adalah penyebabnya aku kelihatan bodoh. Ish, hilang sifat kelakianku sekejap.

Dua hari kemudian, aku memberitahu Ahmad apa yang berlaku pada malam itu.

“Haha! Dalam semua orang, aku tak sangka kau yang akan mempercayai ceritaku!” Ahmad berdekah-dekah. Saat aku bertembung dengannya, pasti akan dia ungkit sifat lurus bendulku dan mempersenda-sendakanku. Sempat pula dia menyelit, “Lain kali, *jangan percayakan sangat khabar angin*”.